

26 AUG 1998

Rencana-Tantawi

DR MOHAMMAD SAYYED TANTAWI, PENGANJUR KESEDERHANAAN DALAM ISLAM

Oleh: Cik Rashidah Abdul Ghani

KUALA LUMPUR - Apakah seseorang yang murtad harus dihukum bunuh?; bagaimana rakyat dalam sebuah masyarakat majmuk terdiri daripada Islam dan bukan-Islam harus berinteraksi?; dan apakah hudud dapat dilaksanakan di negara ini?.

Semua ini terjawab dengan cukup jelas bila Imam Besar Sheikh al-Azhar Dr Mohammad Sayyed Tantawi menyampaikan ceramah umumnya di sini baru-baru ini.

Hujah-hujah beliau dalam isu murtad, misalnya, membuka luas pandangan masyarakat yang selama ini terbelenggu dalam pemikiran yang sempit.

Isu murtad hangat dibincangkan akhir-akhir ini terutama di kalangan tokoh-tokoh Islam konservatif yang melahirkan kebimbangan kerana menurut mereka Melayu Islam yang memohon murtad sudah mencecah angka ribuan.

Namun, Dr Mohammad melihatkan kesederhanaannya dalam isu ini berbanding tokoh-tokoh konservatif itu yang mahukan tindakan drastik seperti hukuman bunuh.

Dr Mohammad, bekas Mufti Mesir selama 10 tahun dan pernah menjawat Dekan Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Universiti al-Azhar, berkata jika seorang Muslim meninggalkan Islam atau murtad, orang itu harus dibiarkan tanpa sebarang tindakan selagi dia tidak memusuhi, mengkhianati, memfitnah atau mengancam Islam.

Jika terpaksa diambil tindakan terhadap golongan murtad itu, ia bukanlah disebabkan kesalahan mereka keluar daripada Islam tetapi kerana kesalahan memusuhi dan mengancam Islam.

Islam, katanya, mengamalkan toleransi dan tidak boleh dipaksakan ke atas sesiapa.

Dr Mohammad cukup terkenal kerana berani mengeluarkan pendapat dalam pelbagai isu dan masalah semasa yang dihadapi oleh dunia Islam.

Misalnya pada awal tahun ini akhbar-akhbar di Mesir termasuk Al Ahran memetik beliau sebagai menyokong hukuman bunuh bagi rakyat Palestin yang menjual tanah mereka kepada orang-orang Yahudi Israel.

Beliau menegaskan hukuman itu wajar ke atas mereka yang terbabit kerana perbuatan itu adalah pengkhianatan besar terhadap negara.

Dalam beberapa syarahan di Malaysia, Dr Mohammad mempertahankan Islam sebagai agama toleransi dan umat Islam tidak bermusuhan dengan orang bukan Islam selagi mereka (bukan Islam) tidak memusuhi atau mengancam Islam.

Pandangan beliau mengenai hubungan orang Islam dengan bukan Islam amat sederhana dan wajar diberikan perhatian oleh masyarakat majmuk negara ini yang menganuti pelbagai agama.

Sheikh al-Azhar itu berkata, dari kacamata Islam, orang bukan Islam terbahagi kepada tiga kumpulan.

Pertama, ialah mereka yang tidak hidup dalam sebuah negara bersama umat Islam tetapi tidak memusuhi Islam dan umat Islam dibenarkan bertukar-tukar kepentingan dengan mereka selagi hubungan itu tidak menjejaskan imej dan agama Islam.

Kedua, ialah mereka yang juga tidak hidup dalam sebuah negara bersama umat Islam tetapi memusuhi Islam seperti memburuk-burukkan umat Islam dan untuk menghadapi keadaan itu umat Islam dibenarkan memerangi golongan itu tetapi sekadar untuk menyedarkan mereka supaya tidak memusuhi Islam dan umatnya.

Ketiga, sesuai dalam konteks Malaysia, ialah bukan Islam yang hidup dalam sebuah negara bersama orang Islam tetapi tidak memusuhi Islam dan

dalam keadaan ini hak serta tanggungjawab mereka dengan orang Islam adalah sama.

Serentak itu, Sheikh al-Azhar mengingatkan masyarakat Islam supaya meneruskan dakwah di kalangan orang bukan Islam untuk menyedarkan mereka bahawa Islam adalah agama terbaik tetapi mereka jangan dipaksa menganuti Islam.

Pada masa yang sama beliau tegas meminta umat Islam menguasai ilmu agama yang tradisi dan ilmu-ilmu moden supaya mereka dapat meningkatkan kekuatan ummah bagi mempertahankan Islam.

Beliau berkata Islam menuntut umatnya supaya menguasai ilmu dunia dan akhirat termasuk teknologi senjata moden untuk mengukuh ketahanan dan pertahanan ummah.

Penguasaan dalam ilmu senjata moden penting sebagai persiapan menghadapi sebarang kemungkinan buruk sangka pihak lain, walaupun Islam merupakan agama kedamaian yang mementingkan kasih sayang dan baik sangka antara satu sama lain.

Islam katanya bukan sahaja meminta umatnya mengejar akhirat tetapi juga menuntut mereka menggunakan segala habuan yang diperolehi di dunia dan memakmurkan dunia bagi mencapai kebahagiaan di akhirat.

Sumbangan beliau kepada kesedaran dan pembangunan ummah dan teladan kepada umat Islam seluruh dunia mendapat pengiktirafan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia baru-baru ini.

Dr Mohammad menjadi orang ketiga menerima Anugerah Presiden UIA, yang memberikan hadiah wang RM10,000.

Tokoh-tokoh lain yang telah menerima anugerah itu ialah Allahyarham Sheikh Mohammad Al Ghazali (1995) dan Sheikh Dr Yusuf Abdullah Al-Qardawi (1996).

Dr Mohammad, yang dilahirkan di Kampung Saleem Syarqiyyah di Mesir pada 28 Okt 1928, menjadi seorang penghafaz al-Quran pada peringkat pendidikan asas di kampungnya.

Beliau mendapat pendidikan di Institut Agama Al-Iskandariah pada 1944 dan setelah tamat pengajian menengahnya beliau menyambung pelajaran ke Fakulti Usuluddin, Universiti Al-Azhar, Kaherah pada 1958.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam pengajian Usuluddin, Ijazah Sarjana Pendidikan (1959) dan Ijazah Phd dalam bidang Ilmu Tafsir dan Hadith dengan pangkat Cemerlang (5 Sept 1966). Tajuk tesis beliau ialah Banu Israel dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Dr Mohammad pernah berkhidmat di Kementerian Waqaf Mesir sehingga tahun 1964 sebelum dilantik sebagai pensyarah di Fakulti Usuluddin 1968.

Beliau kemudian dipinjamkan ke Universiti Islam Libya pada tahun 1972 hingga 1976, dilantik sebagai Dekan Fakulti Usuluddin, Universiti Al-Azhar cawangan Asyut (1976), Ketua Jabatan Tafsir dan Ilmu-ilmu al-Quran peringkat pengajian siswazah di Universiti Islam Madinah, Saudi Arabia (1980-1984) dan pensyarah pelawat di Universiti Basrah, Iraq.

Pada 1985, Dr Mohammad dilantik sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab (Bahagian Lelaki), Universiti al-Azhar. Manakala pada 28 Okt 1986 beliau dilantik sebagai Mufti kerajaan Republik Arab Mesir dan pada 17 Mac 1996, beliau dilantik sebagai Sheikh Al-Azhar yang ke-43.

Dr Muhamad melawat Malaysia 10 tahun lalu semasa menjadi Mufti Mesir.

Tetapi lawatannya kali ini akan diingati sebagai pencetus visi bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad -- bahawa kesederhanaan, ilmu dan kerjasama ikhlas adalah antara aspek yang harus ditekankan demi meninggikan syiar Islam. - Bernama

CR RS KGO